

23 AUG 2001

PM-KDNK

DR MAHATHIR: M'SIA BELUM LAGI MEMASUKI KEMEROSOTAN TEKNIKAL

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini menolak pandangan pesimistik terhadap ekonomi negara dengan berkata bahawa ekonomi Malaysia masih belumpun memasuki tahap kemerosotan teknikal.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) hari ini.

"Pertumbuhan KDNK masih positif. Kita masih belumpun memasuki kemerosotan teknikal. Dalam suku pertama, kita kekal positif. Kali ini ialah 0.5 peratus.

"Sekiranya ianya sifar atau di bawahnya, barulah ia berbeza," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Dana Pendidikan Cheras di Stadium Badminton di sini hari ini.

BNM hari ini berkata KDNK negara berkembang sebanyak 0.5 peratus dalam suku kedua tahun ini berbanding 8.4 peratus dalam tepoh yang sama tahun 2000.

Suku pertama, ketiga dan keempat tahun lepas mencatatkan perkembangan masing-masing sebanyak 11.7 peratus, 7.8 peratus dan 6.3 peratus.

Suku pertama tahun ini mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 3.1 peratus.

Dr Mahathir juga berkata sektor elektronik negara terjejas dalam suku kedua setelah ia bergantung kepada eksport ke Amerika Syarikat.

"AS kini meleset dan banyak negara lain dalam kemelesetan. Tetapi sekurang-kurangnya kita telah terelak daripada kemelesetan itu," katanya.

"Dalam separuh pertama tahun ini, pertumbuhan adalah 1.7 peratus, jadi kita tidak berada dalam kemelesetan," tambah beliau.

Yang jelasnya, beliau berkata negara tidak akan mencapai pertumbuhan 7.0 peratus setahun.

Perdana Menteri berkata: "Kita mungkin tidak mencapai pertumbuhan 5.0 peratus. Mungkin kita akan mencapai satu angka yang lebih rendah daripada itu tetapi saya masih merasakan ia akan positif."

Beliau berkata Malaysia akan berkerja keras dalam suku ketiga dan keempat tahun ini memandangkan tarikan kelembapan ekonomi AS telah wujud.

Ketenatan kelembapan ekonomi AS akan jauh lebih serius dan berpanjangan daripada yang dijangkakan.

-- BERNAMA

MAM MFZ SD NHD